

Surat khabar: Utusan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 10/10/2013

Muka surat: 2

Tajuk : Pelihara Budaya Dan Warisan Bangsa.

Peliharaan budaya dan warisan bangsa

KOTA SAMARAHAN, Rabu
Minggu Seni Budaya Dan Warisan (MSBW) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyumbang kepada pemeliharaan dan kesinambungan seni, budaya dan warisan bangsa negara.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof Dr Fatimah Abang berkata, pelbagai aktiviti seni dan kesenian yang menggambarkan keunikan negara ini diadakan sepanjang minggu seni dan budaya itu.

Menurutnya, rakyat negara ini terdiri daripada pelbagai kaum dan mengamalkan pelbagai agama dan cara hidup.

Kepelbagaian ini menjadi keunikan kita. Oleh itu, bentuk dan corak kesenian kita mestilah dipelihara dilestarikan sebagai khazanah dan warisan bangsa kita yang amat tinggi nilainya. Itulah tunjang kita. Maka, sebagai tunjang kepada perpaduan negara ia hendaklah ditadbir uruskan dengan baik, katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Minggu Seni, Budaya dan Warisan (MSBW) Ke 9 di Panggung Eksperimen, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Kampus Barat Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) hari ini.



CENDERAHATI ... Saufi Aiman Yahya, Prof Madya Dr Hasnizam Abdul Wahid dan Dr Noria Tugong menyampaikan cenderahati kepada Prof Dr Fatimah Abang (dua dari kanan) di Majlis Perasmian Minggu Seni, Budaya dan Warisan (MSBW) Ke-9 di Panggung Eksperimen, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Kampus Barat UNIMAS, Kota Samarahan, semalam.

MSBW pada tahun 2013 ini bertemakan Akar Budaya Semarak Seni sekali gus MSBW merupakan acara kesenian tahunan di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.

Program MSBW ini akan berlangsung selama empat hari, bermula 9 hingga 12 Oktober

2013 di Laman Seni dan Panggung Eksperimen, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, UNIMAS. Acara itu melibatkan semua pelajar Tahun Pertama hingga Tahun Akhir Program Pengurusan Seni, Jabatan Seni Liberal.

Katanya, aktiviti itu dapat mengangkat martabat warisan

kesenian yang lahir daripada budaya asal dalam masyarakat.

Ia dapat mempersembahkan dan mengembangkan kesenian budaya asal sama ada dari segi seni persembahan, seni kraf tangan, seni lukisan, kesenian tradisional atau kontemporari, ujarnya.

Katanya, usaha dan komitmen yang tinggi dan berterusan amat diharapkan daripada semua pihak lebih lagi para pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif UNIMAS untuk terus mengangkat budaya dan seni.

Saya menyarankan semua pelajar, ahli akademik dan bukan akademik mengambil bahagian secara aktif dengan menawarkan kepakaran masing-masing demi memantapkan kemahiran pelajar dari segi teori dan praktik yang amat mereka perlukan sebagai persiapan merencanakan kerjaya mereka, jelasnya.